

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN MOHD
FAKEH**

[SABAK BERNAM]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperbaiki dan menyenggara gelanggang futsal, sepak takraw, bola jaring dan pusat sukan yang sedia ada di daerah-daerah termasuk di Parlimen Sabak Bernam bagi kemudahan belia-belie untuk menyertai aktiviti sukan dan riadah bagi melahirkan belia sihat dan komuniti yang bersatu padu.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan telah dan akan menyelenggara serta menaik taraf kemudahan-kemudahan infrastruktur sukan secara berperingkat termasuklah di Parlimen Sabak Bernam. Untuk makluman Yang Berhormat, di Sabak Bernam terdapat 29 infrastruktur sukan. Daripada 29 infrastruktur tersebut, 20 infrastruktur berada dalam keadaan yang baik, manakala sembilan (9) perlu diselenggara dan dibaik pulih secepat mungkin. Kementerian Belia dan Sukan akan bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk memastikan bahawa senarai keutamaan penambahbaikan dilaksanakan sebaik mungkin.

2. Dalam 29 infrastruktur sukan tersebut, 20 daripadanya adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, manakala baki sembilan (9) infrastruktur adalah di bawah seliaan KBS. Infrastruktur akan dibaik pulih secepat mungkin, juga tertakluk kepada permohonan serta kerjasama dengan kerajaan negeri. Keutamaan pembaikpulihan infra sukan pada tahun hadapan akan difokuskan bagi kawasan luar bandar dan juga kawasan bandar yang mempunyai kawasan belia berisiko yang paling tinggi.

Sekian, terima kasih.